

Firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Baqarah, Ertinya:

“ Dan dari mana sahaja Engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haraam (Kaabah)...”

Disediakan oleh :

**Unit Takwin & Kiblat
Bahagian Falak
Jabatan Mufti Negeri Johor**

Disahkan oleh :

**Sohibus Samahah
Y.B Dato' Hj Yahya bin Hj. Ahmad
Mufti Negeri Johor**

Unit Takwin & Kiblat

Bahagian Falak

Jabatan Mufti Negeri Johor

Aras 3, Blok A, Pusat Islam Iskandar
Jalan Masjid Abu Bakar, 80990 Johor

Tel : 07-2263926 / 27 / 28

Laman Web Rasmi :


<http://muftijohor.gov.my>



Facebook : Jabatan Mufti Johor



Menyemak Arah Kiblat Berdasarkan Fenomena Istiwa' Al-Ka'bah



Pada :

28 Mei : jam 5.16 petang

16 Julai : jam 5.28 petang


(SETIAP TAHUN)

MAKLUMAT ISTIWA AL-KA'BAH

Detik Istiwa al-Ka'bah berlaku sebanyak dua kali dalam setahun iaitu pada :

- I. 28 Mei
- II. 16 Julai

Ini berdasarkan Firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Rahman ayat 17 :



Maksudnya : (Dia lah) Tuhan Yang mentadbirkan dua timur, dan Tuhan Yang mentadbirkan dua barat.

Detik pertama berlaku pada tanggal 28 Mei jam 5.16 petang (waktu Malaysia). Ketika itu matahari berada tegak di atas Ka'bah pada kedudukan *zawal* (زَوَالٍ) iaitu matahari berada tegak di tengah-tengah langit pada jam 12.16 minit tengahari waktu Makkah.

Detik yang kedua pula berlaku pada tanggal 16 Julai, jam 5.28 petang (waktu Malaysia). Ketika itu matahari berada tegak di atas Ka'bah pada kedudukan *zawal* (زَوَالٍ) iaitu matahari berada tegak di tengah-tengah langit pada jam 12.28 minit tengahari waktu Makkah.

Fenomena ini berlaku ketika matahari bergerak condong ke utara dan ketika matahari bergerak condong ke selatan.

DETIK- DETIK ISTIWA' AL-KA'BAH

1. Pada 28 Mei, jam 5.16 petang dan 16 Julai, 5.28 petang setiap tahun, di dapati bayang yang terhasil dari sesuatu perdirian (القائمة) mengarah tepat ke arah Ka'bah iaitu bayang tersebut adalah arah qiblat. Hal ini berlaku kerana pada waktu tersebut matahari tepat berada di atas Ka'bah (بَيْتُ اللَّهِ الْعَتِيقِ).
2. Pada tanggal 28 Mei jam 5.16 petang dan 16 Julai jam 5.28 petang setiap tahun, kecondongan matahari ialah 21 darjah 26 minit utara (شَمَالِيَّة). Nilai ini adalah sama dengan nilai garis lintang (عَرْضُ الْبَلَدِ) bagi Makkah al-Mukarramah di mana laluan terbit dan terbenam matahari (دَائِرَةُ الْكُسُوفِيَّةِ) 90 darjah iaitu matahari tegak di atas Ka'bah di tengah-tengah langit (الإِسْوَاءِ) ketika tengahari (الزَّوَالِ) . Oleh itu, mana-mana jua di seluruh dunia pada ketika itu, bayang - bayang yang terhasil dari

sesuatu perdirian (القائمة) mengarah tepat ke Ka'bah dan bayang yang terhasil tersebut adalah arah qiblat.

3. Pada tanggal 28 Mei jam 5.16 petang setiap tahun, matahari berada 16 darjah di buruj Taurus (ثَوْرٍ) iaitu buruj yang berbentuk lembu. Pada ketika itu, darjah peredaran matahari dari titik awal buruj Aries (حَمَلٍ) adalah 46 darjah. Ketika itu juga matahari condong ke arah utara (شَمَالِيَّة) menuju ke selatan (جَنُوبِيَّة) dan negara-negara yang berada di utara garisan khatulistiwa mengalami musim panas (الموافقة).
4. Pada tanggal 16 Julai jam 5.28 petang setiap tahun, matahari berada 26 darjah di buruj Gemini (جُوزَاءِ) iaitu buruj yang berbentuk dua beradik kembar. Darjah peredaran matahari dari titik awal buruj Aries (حَمَلٍ) ialah 86 darjah. Ketika itu matahari condong ke arah utara (شَمَالِيَّة) menuju ke selatan (جَنُوبِيَّة) dan negara-negara yang berada di utara garisan khatulistiwa mengalami akhir musim panas.